

MANHAJ: PENGERTIAN DAN KEPENTINGANNYA KEPADA DA'WAH

Oleh
Syed Abdurahman bin Haji Syed Hussin*

Abstract

The article discusses the meaning of the methode of dakwah, its significance and application by the Prophet (p.b.u.h) in Medina and Mecca.

PENDAHULUAN

Manhaj berasal dari perkataan 'Arab yang diambil dari kata dasar (*nahaja*) yang membawa erti jalan yang jelas dan nyata. Perkataan yang menunjukkan banyak (*Nahajat*)-(*Nuhuj*) dan (*Nuhuj*). *Manhaj* adalah sama dengan (*minhaj*) iaitu jalan yang jelas.¹ *Manhaj* juga ditakrifkan dengan Sunnah.² Dalam surah *al-Maidah* (5): 48, Allah berfirman:

Maksudnya: "bagi tiap-tiap umat yang ada di antara kamu, Kami jadikan (tetapkan) sesuatu syariat dan jalan agama (yang wajib diikuti oleh masing-masing)."

Manhaj diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris dengan perkataan "*methodology*" yang berasal dari gabungan dua perkataan Yunani iaitu

*Pensyarah di Jabatan Dakwah & Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya

¹Ibn Manzur al-Afriqi, *Lisan al-'Arab*, Dar Sadir Beirut t.t. Bab al-Jimi'. Fasl al-Nun, juz 2, hlm: 383. Al- Raghib al-Asfahani, *Mufradat Fi Gharib al-Qur'an*, tahqiq Muhammad Sayyid Kilani, Percetakan Mustafa al-Babi al-Halabi Wa Auladuh, Kaherah 1381H, hlm: 506. Muhammad bin Abu Bakr al-Razi, *Mukhtar al-Sihah*, cet.1 Dar al-Kutub al-'Arabi Beirut, 1967, hlm: 681

²*Ibid*. Imam Ibn Kathir telah menjelaskan dengan panjang pengertian *Manhaj* yang dibuat oleh ahli tafsir ketika menghuraikan ayat 48 dari surah *al-Maidah*. Rujuk: *Tafsir Ibn Kathir*, cetakan Dar al-Fikr Beirut, 1986, juz 2, hlm: 66-67.

"*methodos*" yang bererti cara, dan "*logos*" yang bererti ilmu. Gabungan dua perkataan tersebut menjadi "*methodologi*" yang membawa maksud ilmu tentang cara mengadakan penelitian.³

Dalam bahasa Inggeris *methodology* ditakrifkan dengan "*tech the set of method used for study or action in a particular subject, as in science or education*".⁴

Kamus Dewan memberikan dua erti kepada metod;

- i. ilmu tentang metod.
- ii. sistem yang merangkumi kaedah-kaedah dan prinsip-prinsip yang digunakan dalam sesuatu kegiatan (orang dan sebagainya).⁵

Dari pengertian bahasa di atas dapat dibuat kesimpulan atau definasi istilah kepada *manhaj* sebagai "suatu kaedah jelas yang di gariskan untuk diikuti dalam melakukan sesuatu kerja agar sampai kepada matlamat".

Kalau disebut *manhaj* kajian bermaksud "ilmu tentang cara mengadakan kajian untuk menghasilkan natijah yang tepat. Dengan itu *manhaj* da'wah membawa maksud "sesuatu garis kaedah dan perancangan yang dibuat untuk diikuti dalam usaha-usaha da'wah supaya mencapai matlamat dari penda'wahan tersebut". Boleh juga di katakan dengan perancangan yang mesti dalam usaha mencapai sesuatu.⁶

KEPENTINGAN MANHAJ DALAM MENJAYAKAN DA'WAH

Dunia hari ini tidak lagi mengambil kekuatannya dari kegagahan tubuh badan (fizikal) manusia, bukan juga dari kekuatan senjata yang dimiliki,

³Koentjaraningrat, *Metode-Metode Penelitian Masyarakat*. P.T. Gramedia Jakarta 1977, hlm: 16.

⁴Longman *Dictionary Of Contemporary English*, cet, Longman Group Ltd, Britain 1981, hlm: 681.

⁵Dr. Teuku Iskandar (edisi baru) cetakan ke empat 1993, Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm: 826.

⁶Dr. 'Ali Jarisyah, *Manahij al-Da'wah Wa Asalibuh*, Dar al-Wafa' Mesir, 1986, hlm: 16. Muhammad Abu al-Fath al-Bayanuni, *al-Madkhal Ila Ilm al-Da'wah*, Muassasah al-Risalah, Madinah 1411H, hlm: 195. Muhammad Mahmud al-Sawwaf, *Da'wah dan Penda'wah; Dari al-Qur'an Kepada al-Qur'an*, terj. Abu Huzaifah, cetakan Academe Art & Printing Services Sdn, Bhd, Kedah 1987, hlm: 37.

walaupun kedua-duanya merupakan sebahagian dari bahan kekuatan, tetapi ia lebih dahulu mengambil kekuatan utamanya dari *manhaj* (perancangan). Kemudian diikuti dengan ketelitian pelaksanaan *manhaj* tersebut yang mengikuti dengan tepat *manhaj* keilmuan yang digariskan seterusnya barulah diikuti dengan kekuatan kebendaan dan fizikal. Dengan itu kita dapati dunia hari ini mengenali strategi perancangan jangka panjang dan jangka pendek untuk membataskan tujuan dan mengenali arah atau hala tuju perjalanan. Kedua-dua perancangan jangka panjang dan pendek ini tegak di atas dua unsur utama iaitu menentukan tujuan dan keupayaan pengurusan.

Oleh itu kita dapati negara-negara di dunia hari ini mencurahkan tenaga dan kewangan untuk perancangan sama ada dari sudut pembelajaran, latihan dan pelaksanaan, di samping berusaha melahirkan pimpinan atau pengurus yang baik. Dengan itu lahirlah institusi-institusi untuk perancangan serta melahirkan perancang.

ISLAM DAN PERANCANGAN

Apa yang dilakukan oleh negara di dunia hari ini, tidak jauh dari Islam, kerana Islam itu sendiri merupakan risalah Allah yang mengandungi perancangan hidup yang lengkap untuk seluruh manusia. Islam lebih dahulu meletakkan *manhaj* dan mengadakan perancangan. Islam adalah *manhaj* kerana di dalamnya mengandungi perancangan hidup. Firman Allah dalam surah *al-Isra'* (17): 9:

Maksudnya "sesungguhnya al-Qur'an ini memberi pertunjuk ke jalan yang amat betul (agama Islam), dan memberikan berita yang menggembirakan kepada orang-orang yang beriman yang mengerjakan amal saleh, bahawa mereka beroleh pahala yang besar".

Dalam menghuraikan ayat ini Ibn Kathir mengatakan "Allah Ta'ala telah memuji kitab-Nya yang agong yang telah diturunkan ke atas nabi Muhammad s.'a.w. iaitu al-Qur'an sebagai petunjuk ke arah jalan yang paling betul dan laluan yang paling terang, serta Allah memberikan berita gembira kepada mereka yang beriman dengan al-Qur'an juga beramal berdasarkan tuntutanannya, bagi mereka ganjaran yang besar pada hari akhirat. Allah juga mengingatkan mereka yang tidak percaya kepada hari akhirat bahawa bagi mereka azab yang mengerikan".

Firman Allah dalam surah *al-An'am* (6): 153:

Maksudnya "bahawa sesungguhnya inilah jalan Ku (agama Islam) yang betul lurus, maka hendaklah kamu menurutnya; dan janganlah kamu menurut jalan-jalan (yang lain dari Islam), kerana jalan-jalan (yang lain itu) menceraikan kamu dari jalan Allah. Dengan demikian itulah Allah perintahkan kamu, supaya kamu bertaqwa".

Diriwayatkan oleh al-Tarmizi dari al-Harith 'Abdullah al-Hamdani dari 'Ali r.'a. bahawa beliau berkata "saya pernah mendengar Rasulullah s.'a.w bersabda "akan muncul suatu fitnah besar laksana malam yang gelap gelita". Kata Saidina 'Ali "aku pun bertanya "wahai Rasulullah!, bagaimanakah jalan keluar dari bencana itu?". Lalu baginda menjawab "melalui kitab Allah Tabaraka Wa Ta'ala, di dalamnya terdapat perihal orang-orang sebelum kamu dan orang-orang selepas kamu. Di dalamnya terdapat penyelesaian terhadap segala pertelingkahan di kalangan kamu. Al-Qur'an adalah pemutus bukan mainan. Sesiapa yang meninggalkan al-Qur'an kerana (hendak) bermaharajalela nescaya Allah akan mengganyangnya. Sesiapa yang mencari petunjuk dari (sumber) yang lain dari al-Qur'an pasti Allah akan menyesatkannya. Ia tali (petunjuk) Allah yang kukuh, cahaya-Nya yang nyata, kata-kata yang bijaksana dan jalan (Allah) yang lurus. Dengan al-Qur'an hawa nafsu tidak akan sesat. Perkataan tidak akan kabur. Pendapat tidak akan bersimpang siur. Tidak jemu para 'ulama menelaahnya. Tidak puas-puas para muttaqin membacanya. Tidak usang-usang walau pun kerap kali (dibaca) berulang-ulang. Khazanah hikmahnya tidak pernah habis. Siapa yang menguasai ilmunya pasti ke depan. Siapa yang berkata dengannya pasti benar. Siapa yang memerintah berdasarkanannya pasti adil. Yang beramal dengannya akan diganjar. Yang mengajak orang ke arah (mengamalkannya) pasti terbimbing ke arah jalan yang lurus".⁷

Sunnah Rasulullah adalah *Manhaj* kerana di dalamnya mengandungi jalan hidup yang jelas. Sirah Rasulullah adalah *Manhaj* kerana ia merupakan pentafsiran dan penjelmaan serta penghayatan secara nyata kepada seluruh ajaran Allah yang terkandung dalam al-Qur'an.

Perancangan pula ialah apa yang dinamakan Allah dengan tadbir. Tadbir Allah mendahului segala tadbir untuk menjadi pengajaran dan latihan kepada perancangan lebih-lebih lagi di dalamnya mengandungi ilmu dan amal yang

⁷Al-Mubarak Furi, *Tuhfat al-Ahwazi Bi Syarh Jame' al-Tarmizi*, Kitab "Fadail al-Qur'an, bab "Ma Jaa Fi Fadlal al-Qur'an, no (3070) Juz 8, hlm: 218-221

berhubungan dengan nama-nama dan sifat-sifat Allah Yang Maha Agung.

Antara nama Allah ialah:

- | | | |
|-------------|-------------------------------|-----------------------------------|
| Al-Hakim | - Yang Maha Bijaksana | - sifat-Nya al-Hikmah. |
| Al-'Alim | - Yang Maha Mengetahui | - sifat-Nya berilmu. |
| Al-Muhaimin | - Yang Mengawasi dan Mengawal | - sifat-Nya pengawas dan penjaga. |

Da'wah Islam berjalan mengikut *manhaj* yang telah digariskan oleh Allah dari satu peringkat ke satu peringkat di mana wahyu Allah mengatur perancangan yang perlu diambil oleh Rasulullah di dalam pelaksanaan da'wah sebagaimana yang dapat dilihat dengan jelas melalui sirah baginda.

Da'wah Rasulullah bermula dengan penurunan wahyu pertama (*iqra'*) semasa baginda beribadat di Gua Hira', yang menjadi tanda bahawa baginda telah dipilih menjadi nabi, serta persediaan untuk menyampaikan risalah Islam.⁸

Dari sini mulalah baginda menyampaikan da'wah dengan memulakan kepada orang-orang yang paling hampir dengan baginda iaitu isterinya Khadijah, hambanya Zaid bin Harithah, kemudian 'Ali bin Abi Talib seterusnya sahabat baginda Abu Bakr al-Siddiq.⁹

Setelah itu Allah memerintahkan baginda menyampaikan da'wahnya kepada seluruh keluarganya yang terdekat melalui firman-Nya dalam surah *al-Syu'ara'* (26): 214

Maksudnya "berilah peringatan serta amaran kepada kaum kerabat mu yang dekat".

Dalam peringkat ini da'wah berjalan dalam bentuk rahsia tanpa dinyatakan secara terang-terangan sehinggalah jumlah mereka melebihi empat puluh orang dan setelah Hamzah bin 'Abd al-Muttalib dan 'Umar ibn al-Khattab memeluk Islam, maka turunlah wahyu yang memerintahkan baginda menyampaikan da'wah secara terang-terangan melalui firman-Nya dalam surah *al-Hijr* (15): 94:

Maksudnya "oleh itu sampaikanlah secara berterus terang akan apa yang diperintahkan kepada mu (wahai Muhammad), dan

⁸Ibn al-Qayyim al-Jauziyyah, *Zad al-Ma'ad Fi Hady Khair al-'Ibad*, juz 2, hlm: 81.

⁹'Ali bin Jabir al-Harbi, *Manhaj al-Da'wah al-Nabawiyah Fi al-Marhalah al-Makkiyyah*, cet 1 1980, Kaherah, hlm: 177-179.

janganlah engkau hiraukan bantahan dan tentangan kaum musyrik kafir itu”.

Bermula dengan perintah ini Rasulullah telah melaksanakan da'wahnya tanpa melepaskan apa sahaja peluang yang mungkin, tetapi menjauhkan dari menggunakan kekerasan dalam menghadapi tentangan dan halangan dari musyrikin Makkah, sebaliknya baginda melatih sahabat bersabar sebagai latihan serta mengasah ketahanan iman, di samping menyuburkan kerohanian mereka dalam mempertahankan akidah Islam.

Selepas tiga belas tahun berda'wah di Makkah, baginda diperintahkan Allah berhijrah ke Madinah apabila adanya sambutan dari kabilah Aus dan Khazraj dari Yathrib dan setelah berlakunya dua bai'ah di antara Rasulullah dengan penduduk Yathrib iaitu bai'ah Aqabah pertama dan kedua yang mana melaluinya mereka telah memberi pengakuan untuk mempertahankan Rasulullah sebagaimana mereka mempertahankan diri dan keluarga mereka sendiri sehingga baginda dapat menyampaikan Islam dengan lancar. Sebelum itu baginda telah memerintahkan para sahabat supaya berhijrah ke sana sehinggalah tinggal baginda, 'Ali dan Abu Bakr sahaja di Makkah.¹⁰

Sebelum itu Rasulullah lebih dahulu mengutuskan Mas'ab bin 'Umair bersama kumpulan yang melakukan bai'ah pertama dengan baginda untuk mengajar penduduk Yathrib yang memeluk Islam serta menyebarkan risalah Islam di sana sehingga sebutan tentang Rasulullah tersebar ke segenap rumah dan tidak terdapat sebuah rumah pun yang tidak dimasuki oleh Islam.¹¹

Setelah berhijrah ke Yathrib yang kemudiannya ditukar dengan nama Madinah serta berdirinya kerajaan Islam pertama di bawah pimpinan Rasulullah, maka perintah Allah yang membenarkan jihad bersenjata diwahyukan demi mempertahankan Islam dan yang dizalimi dari kalangan mereka yang beriman. Firman Allah dalam surah *al-Hajj* (22):39:

Maksudnya “diizinkan berperang bagi orang-orang (Islam) yang diperangi (oleh golongan penceroboh), kerana sesungguhnya

¹⁰Ibn Hisyam, *al-Sirah al-Nabawiyah*, cetakan Dar al-Kunuz al-Adabiyyah t.t. Bahagian 1, hlm: (262) (428) (438-440) (480). Ibn Sa'ad, *Tabaqat al-Kubra*, Dar Sadir Beirut t.t. juz 1, hlm: 219-222 dan 228-229. Dr. Muhammad Sa'id Ramadan al-Buti, *Fiqh al-Sirah*, Cetakan ke tujuh, Dimasq 1969, hlm: 137.

¹¹Ibn Sa'ad, *op. cit.*, juz 3. hlm: 117-119. Dr. Muhammad Sa'id Ramadan al-Buti, *op. cit.*, hlm: 124

mereka telah dianiaya; dan sesungguhnya Allah Amat Berkuasa untuk menolong mereka (mencapai kemenangan)”.

Kemudian diperintahkan pula memerangi orang-orang yang memerangi orang Islam. Firman Allah dalam surah *al-Baqarah* (2):190:

Maksudnya “dan perangilah (kerana menegakkan dan mempertahankan) agama Allah akan orang-orang yang memerangi kamu, dan janganlah kamu menceroboh (dengan memulakan peperangan), kerana sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang menceroboh”.

Seterusnya Allah memerintahkan supaya memerangi orang-orang musyrikin keseluruhannya sebagaimana mereka memerangi Islam agar Islam menjadi penguasa di bumi serta syariat Allah menjadi peraturan hidup tertinggi, sehingga dengan itu rahmat Islam yang membawa keadilan hakiki dapat dikecapi oleh seluruh manusia serta dapat mengelak dari berlakunya fitnah dan kerosakan hidup di muka bumi. Firman Allah dalam surah *al-Baqarah* (2):193:

Maksudnya “dan perangilah mereka sehingga tidak ada lagi fitnah, dan (sehingga) menjadilah agama ini semata-mata kerana Allah. Kemudian jika mereka berhenti maka tidaklah ada permusuhan lagi melainkan terhadap orang-orang yang zalim”.

Dari apa yang telah dibincangkan tentang arahan Allah kepada rasul-Nya dalam melaksanakan da'wah memperlihatkan dengan jelas bahawa Islam adalah agama perancangan yang mengajar manusia melakukan sesuatu dengan cara merancang bukan dengan cara tergesa-gesa dan bergopoh-gapah.

Rasulullah s.'a.w juga melakukan setiap perkara dengan terancang dan rapi, ini dapat kita perhatikan dalam pelaksanaan baginda kepada da'wah Islam dari semenjak awal hinggalah baginda menyempurnakannya setelah sempurnanya penurunan seluruh wahyu Allah. Untuk lebih terperinci maka di sini akan dibincangkan perjalanan da'wah Rasulullah di peringkat Makkah dan Madinah yang memperlihatkan bagaimana *manhaj* yang telah dibuat dan diikuti oleh baginda dalam berda'wah dari sudut isi, *uslub*, *wasail* dan lain-lain perkara yang berkaitan.

PERINGKAT MAKKAH

Dalam peringkat da'wah Makkah dapat diperhatikan *manhaj* yang

digunakan dalam penentuan isi da'wah, *ustlub*, *wasail* serta peringkat-peringkatnya.

Dari sudut isi da'wah, penekanan ditumpukan kepada penanaman akidah, amal saleh, penanaman akhlak mulia serta penetapan risalah Islam dan kerasulan nabi Muhammad s.'a.w. Firman Allah dalam surah *al-Nahl* (16): 36:

Maksudnya "dan sesungguhnya Kami telah mengutuskan dalam kalangan tiap umat seorang (dengan memerintahkan dia menyeru mereka): "hendaklah kamu menyembah Allah dan jauhilah thaghut".¹²

Sabda Rasulullah s.'a.w. bermaksud:

"Sesungguhnya yang halal itu nyata (terang) dan yang haram pun nyata. Diantara keduanya ada perkara kesamaran (mengenai hukum halal dan haramnya) yang tidak diketahui oleh kebanyakan manusia. Maka barangsiapa memelihara (dirinya dari) segala kesamaran, sesungguhnya dia memelihara bagi agamanya dan kehormatannya. Barang siapa yang terjerumus ke dalam kesamaran maka dia terjerumus ke dalam yang haram seperti seorang penggembala yang menggembala di sekeliling kawasan larangan, hampir sangat (ternakannya) makan di dalamnya. Ketahuilah! bahawa bagi tiap raja ada kawasan larangannya. Ketahuilah! bahawa kawasan larangan Allah ialah segala perkara yang diharamkan-Nya. Ketahuilah! bahawa di dalam badan manusia terdapat seketul daging yang apabila ia baik maka baiklah keseluruhannya dan apabila ia rosak maka rosaklah keseluruhannya. Ketahuilah! itulah yang dikatakan hati."¹³

Penanaman akidah tauhid terhadap Allah adalah untuk membina semangat keimanan kental yang menjadikan seorang muslim enggan tunduk kepada segala bentuk penyengutuan terhadap Allah. Imanlah yang menjadikan seseorang yang memilikinya merasa ringan dengan segala kesusahan, merasa kecil dengan segala

¹²*Thaghut* ialah segala yang dilakukan oleh hamba dalam bentuk melampaui batas yang dibenarkan syara' dari penyembahan atau ikutan atau ketaatan. Lihat Dr. Yusof al-Qaradawi, *Haqiqat al-Tawhid*, cet 1 Dar al-Tadamun Kaherah 1979, hlm: 37.

¹³Sahih Muslim, *Kitab al-Musaqat* bab 20 (mengambil yang halal dan meninggalkan yang kesamaran) no hadith 1599, Juz 3, hlm: 1219-1220

halangan dan ujian. Iman yang sentiasa merindui nilai-nilai unggul dan tinggi serta sentiasa bersedia berjuang demi menghasilkan matlamatnya yang suci walaupun memerlukan apa sahaja pengorbanan.

Amal saleh pula merupakan hasil kepada keimanan yang benar. Dengannya kehidupan menjadi baik dan penuh dengan kebajikan, keelokan dan pembaikan. Jauh dari kejahatan, kekufuran dan kerosakan. Tidak ada lagi disebaliknya kecuali kehidupan yang diinginkan oleh setiap individu, jamaah dan manusia seluruhnya. Dengan itu antara tumpuan isi da'wah peringkat ini ditujukan kepada menyeru ke arah amal saleh yang dikira sebagai bahagian kedua dari agama, kerana Islam terdiri dari iman dan amal. Iman sebagai tunjang dan amal saleh sebagai hasil yang dituntut. Tidak ada nilai bagi iman tanpa amal dan tidak ada nilai juga bagi amal yang tidak dibangunkan di atas iman. Dengan kerana itu Allah telah menggabungkan dengan iman dalam ayat-ayat al-Qur'an.

Sifat mulia adalah hasil iman. Seorang mukmin yang baik ialah yang memiliki akhlak yang bagus. Dia akan menjadi orang yang adil dan melakukan kebaikan. Amanah dan menyempurnakan segala janji dan hak, benar, pemurah, kasih kepada saudaranya, menyebarkan kebaikan di tengah masyarakat dan menyeru kepada perkara makruf serta mencegah perkara mungkar. Firman Allah dalam surah *al-Nahl* (16): 90-91:

Maksudnya "sesungguhnya Allah menyuruh berlaku adil, dan berbuat kebaikan, serta memberikan bantuan kepada kaum kerabat; dan melarang daripada melakukan perbuatan-perbuatan yang keji dan mungkar serta kezaliman. Dia mengajar kamu (dengan suruhan dan larangan ini) supaya kamu mengambil peringatan dan mematuhi. Dan sempurnakanlah pesanan-pesanan dan perintah Allah apabila kamu berjanji; dan janganlah kamu merombak (mencabuli) sumpah kamu sesudah kamu menguatkannya (dengan nama Allah) sedang kamu telah menjadikan Allah sebagai penjamin kebaikan kamu; sesungguhnya Allah sedia mengetahui akan apa yang kamu lakukan".

Mempamirkan akhlak mulia sebagai hasil dari keimanan yang benar adalah merupakan satu *uslub*, dan ada yang menjadikannya sebagai *manhaj* utama dalam kejayaan da'wah kerana ia merupakan pernyataan kepada Islam yang berjalan dan dibaca oleh sasaran tanpa perlu kepada suara. Rasulullah dikenali sebagai seorang yang paling amanah sebelum lagi diutuskan sebagai rasul. Paling benar dalam percakapan dan perjanjiannya sehinggakan mereka semua sanggup

menjadikannya sebagai tempat untuk menyimpan barang-barang mereka yang berharga meskipun selepas mereka menolak da'wahnya apabila diutuskan sebagai rasul. Keadaan ini tergambar dalam peristiwa hijrah di mana Rasulullah memerintahkan 'Ali supaya meninggalkan Makkah selepas baginda berhijrah untuk berperanan menyerahkan kembali barang-barang penduduk Makkah yang diamanahkan kepada Rasulullah menjaganya.

Peristiwa meletakkan semula *hajar al-Aswad* ke tempatnya setelah dihanyutkan oleh banjir yang melanda Makkah, juga memperlihatkan bagaimana tingginya penghormatan penduduk kepada baginda sebagai manusia yang paling amanah dan diterima oleh semua sebagai penyelesaian masalah mereka. Dalam peristiwa ini hampir berlaku pertumpahan darah di antara kabilah-kabilah 'Arab dalam menentukan kabilah mana atau siapa yang patut meletakkan semula *hajar al-Aswad* ketempat asalnya. Abu Umayyah ibn al-Mughirah mencadangkan supaya menjadikan orang yang pertama memasuki *Bait Allah* pada sebelah pagi sebagai hakim yang akan menyelesaikan masalah mereka. Dengan kehendak Allah orang yang pertama memasukinya ialah Rasulullah s.'a.w.. Apabila sahaja mereka melihat baginda terus semuanya menyatakan "itu dia Muhammad, itu dia *al-Amin* kami meredainya sebagai penyelesaian".¹⁴

Semua peristiwa sejarah di atas memperkukuhkan matlamat sebenar pengutusan baginda yang dinyatakan oleh Allah melalui firman-Nya dalam surah *al-Qalam* (68): 4:

Maksudnya: "sesungguhnya engkau memiliki perilaku yang paling agung".

Penegasan Allah ini diperkukuhkan dengan pengakuan baginda sendiri tentang matlamat pengutusannya melalui sabdanya yang bermaksud:

"Sesungguhnya aku diutuskan adalah untuk menyempurnakan perilaku yang mulia."

Di antara isi da'wah yang ditekankan pada peringkat Makkah juga ialah menetapkan risalah serta kerasulan nabi s.'a.w. Pengitbatan (penetapan) kerasulan ini penting kerana penolakan kepada kerasulan baginda bererti penolakan kepada risalah yang dibawa. Banyak sekali kekeliruan yang ditimbulkan oleh musyrikin Makkah dalam menolak kerasulan baginda; antaranya dengan mengatakan bahawa rasul tidak sah berlaku di kalangan manusia sebaliknya hendaklah dianya malaikat. Sekiranya dari kalangan manusia

¹⁴Ibn Sa'ad. *op cit.* juz 1. hlm: 146. Ibn Hisyam. *op cit.* bah: 1. hlm:197

maka sudah tentu mereka lebih layak kerana lebih kaya dan lebih ramai pengikut serta pengaruh. Mereka juga mengatakan sepatutnya rasul tidak boleh berjalan di pasar seperti mereka. Antara ayat al-Qur'an yang menceritakan pandangan musyrikin yang salah ini ialah firman Allah dalam surah-surah *al-Furqan* (25): 7, *Saba'* (34): 35, *al-An'am* (6): 8, *al-Mukminun* (23): 24

Itulah antara isi da'wah di peringkat Makkah. Adapun cara untuk menyampaikan isi da'wah kepada sasaran, maka Rasulullah telah mengambil beberapa langkah dan strategi yang sesuai sebagaimana berikut;

- a) Banyak menggunakan hubungan peribadi terutamanya dalam tiga tahun pertama dari permulaan da'wah yang dikenali dengan da'wah secara rahsia.
- b) Tidak melepaskan sebarang peluang yang memungkinkan penyampaian da'wah seperti mendatangi rumah-rumah kabilah 'Arab sekitar Makkah, mengadakan majlis makan untuk menyampaikan da'wah, menemui orang-orang yang datang mengerjakan haji, dan mendatangi tempat-tempat perhimpunan orang ramai seperti pasar dan lain-lain.
- c) Mementingkan keluarga dan sahabat handai pada peringkat permulaan.

Dalam merangka strategi jangka panjang dan pendek untuk memastikan penerusan da'wah Islam, baginda telah mengambil langkah berikut;

Dalam langkah jangka pendek ialah dengan mendahulukan orang-orang yang berpengaruh kerana mereka mempunyai pengikut serta dapat memainkan peranan seperti Abu Bakr al-Siddiq yang telah dapat mengIslamkan sepuluh orang sahabat utama. 'Umar dan Hamzah yang pernah disebut dalam sirah bahawa Rasulullah pernah mendoakan supaya Allah memasukkan hidayah kepada salah seorang dari dua lelaki iaitu 'Umar bin al-Khattab dan 'Amru ibn Hisyam (Abu Jahl). Semasa baginda pergi ke Taif untuk berda'wah baginda lebih dahulu mendatangi ketua Bani Thaqif untuk menerangkan Islam kepada mereka.

Selain dari mendahului pemuka dan pembesar kaum baginda juga mencari pengawal diri yang sekurang-kurangnya dapat mengurangkan sedikit tentangan dan halangan yang sangat keras ke atas usaha da'wah, sehingga ada ruang yang membolehkan baginda menyampaikan da'wahnya. Contohnya; di Makkah bapa saudaranya Abu Talib dan isterinya Khadijah. Semasa di Taif cuba menghubungi

ketua Bani Tha'qif dan ketika kembali semula ke Makkah dari Taif dihubunginya Mat'am bin 'Adiy yang telah memberikan perlindungan kepada baginda dan mengisytiharkan perkara tersebut di Ka'bah. Untuk berhijrah ke Madinah pula ialah dengan jaminan perlindungan oleh kaum Ansar melalui *bai'ah al-'Aqabah* yang kedua.

Strategi jangka panjang pula ialah dengan melatih kader-kader dan pendokong Islam di rumah al-Arqam ibn Abi al-Arqam sehingga sampai ke satu tahap yang paling tinggi dalam berbagai segi dan sanggup berjuang untuk mempertahankan Islam dengan apa sahaja meskipun dengan jiwa raga mereka.

Melatih para sahabat bersabar dan menanggung penderitaan pada peringkat awal da'wah dengan tidak menghadapi musuh secara kekerasan sebagaimana yang dilakukan oleh mereka. Hal ini perlu kerana di antara tuntutan utama ketika berinteraksi dengan orang ramai ialah melahirkan matlamat dari penda'wahan dalam suasana biasa selepas para penda'wah menghiaskan diri mereka dengan da'wah tersebut dari sudut penghayatan amali agar da'wah ini bersih - dari sudut praktikalnya - dari sedikitpun kecacatan yang boleh dijadikan alasan ke atasnya. Dengan itu maka da'wah pada peringkat Makkah telah menjauhkan diri dari pertembungan bersenjata sehingga memberikan peluang yang cukup untuk menzahirkan ciri dan hakikat Islam. Di samping itu bersabar juga merupakan satu peringkat pemilihan dan ujian yang mana Allah gunakannya untuk memilih serta mengasingkan di antara mereka yang layak menjadi pendokong da'wah dengan yang tidak layak melalui kejayaan mereka mengatasi berbagai bentuk tribulasi dengan tabah dan kental di atas landasan Islam sehingga bersih dari berbagai gejala keduniaan dengan memiliki akidah yang kental dan mantap.¹⁵

Selain dari strategi di atas Rasulullah juga berusaha mencari tapak yang kukuh sebagai pengkalan untuk melancarkan da'wah ke seluruh pelusuk Semenanjung 'Arab, sejak awal-awal lagi di mana setiap kali menemui kabilah-kabilah 'Arab apa yang diminta oleh baginda ialah agar mereka beriman kemudian mempertahankannya sehingga baginda dapat menyampaikan apa yang diperintahkan oleh Allah kepadanya. Hal ini dapat dilihat dengan nyata apabila turunnya perintah Allah supaya baginda memberi peringatan kepada keluarganya yang hampir, maka baginda memerintahkan 'Ali supaya menjemput Bani 'Abd al-Muttalib ke majlis makan di rumah baginda. Dalam majlis ini

¹⁵Dr. Rauf Syalabi, *al-Da'wah al-Islamiyyah Fi 'Ahdha al-Makki: Manahijuha Wa Ghayatuha*, cet. Majma' al-Buhuth al-Islamiyyah Kaherah, 1974, hlm: 260-262.

Rasulullah telah menyampaikan ucapan berbunyi “wahai Bani ‘Abd al-Muttalib! demi Allah sesungguhnya aku tidak dapati seorang pun pemuda dari bangsa ‘Arab telah membawa kepada kaumnya dengan perkara yang lebih baik dari apa yang aku bawa untuk kamu. Sesungguhnya aku telah bawakan untuk kamu kebaikan dunia dan akhirat. Allah memerintahkan aku supaya menyeru kamu kepada-Nya, oleh itu sesiapa di antara kamu yang membantu aku dalam melaksanakan urusan ini adalah menjadi saudaraku”.¹⁶

Terdapat pandangan serta pendapat yang mengatakan bahawa di samping mengarahkan sahabat berhijrah ke Habsyah dalam usaha menyelamatkan diri dan agama dari tindakan pengeksaan oleh musyrikin Quraisy, juga adalah usaha baginda untuk mencari tapak baru kepada da'wah Islam kerana bukan semua mereka yang berhijrah terdiri dari golongan lemah yang tidak mempunyai saudara mara untuk mempertahankan mereka dari tindakan jahat musyrikin itu. Di antara mereka termasuk Ja'far bin Abi Talib yang mana bapanya adalah ketua kabilah Quraisy yang disegani, juga bapa saudaranya Hamzah bin ‘Abd al-Muttalib adalah ditakuti oleh Quraisy. Termasuk antara yang berhijrah juga ialah anak perempuan Rasulullah iaitu Ruqayyah bersama suaminya ‘Uthman bin ‘Affan yang mana beliau adalah seorang hartawan yang dihormati. Gambaran ini memberi erti bahawa penghijrahan ini bukan semata-mata mengelakkan diri dari pengeksaan tetapi juga terdapat di sebaliknya usaha dan percubaan mencari tapak da'wah yang lebih baik dari Makkah.¹⁷

Perkara ini juga tergambar dalam perjanjian Aqabah antara Rasulullah dengan kaum Ansar sebagaimana yang diceritakan oleh Malek bin Ka'ab salah seorang dari mereka yang mengadakan janji setia dengan Rasulullah dalam perjanjian Aqabah kedua. Kata Malek “kami berjanji dengan Rasulullah untuk bertemu di Aqabah pada malam tasyriq kedua. Apabila tiba malam yang dijanjikan kami tidur bersama kaum kami di tempat perhentian kami sehingga apabila berlalu separuh malam kami pun keluar dari rombongan secara perlahan-lahan untuk menemui Rasulullah sehingga kami semua berhimpun di Aqabah menunggu baginda. Jumlah kami tujuh puluh tiga lelaki dan dua perempuan iaitu Nasibah binti Ka'ab dan Asma' binti ‘Amru bin ‘Adiy. Rasulullah tiba dengan bapa saudaranya al-'Abbas, apabila baginda sampai kami pun berkata “mintalah dari kami untuk diri engkau dan Tuhan engkau apa

¹⁶Ibn Kathir, *al-Bidayah Wa al-Nihayah*, cet ke empat Maktabah al-Ma'arif Beirut, 1982, juz 3, hlm: 38-40.

¹⁷Hussain bin Muhammad bin 'Ali Jabir, *al-Tariq Ila Jama'at al-Muslimin*, Kuwait 1984, hlm: 182-186.

sahaja yang engkau kehendaki”, lalu Rasulullah bercakap dan membaca ayat-ayat al-Qur’an dan menyeru kepada beriman dengan Allah serta memperkenalkan Islam, kemudian baginda berkata “aku berjanji setia dengan kamu dengan syarat kamu mempertahankan aku dari perkara-perkara yang kamu mempertahankan isteri-isteri dan anak-anak kamu”. Lalu al-Barra’ bin Ma’rur memegang tangan Rasulullah seraya berkata “ya! demi Allah yang mengutuskan engkau dengan kebenaran sebagai nabi, kami pasti mempertahankan engkau dari perkara-perkara yang kami mempertahankan keluarga kami, oleh itu berilah janji setia dengan kami wahai Rasulullah, kami ini demi Allah adalah pejuang-pejuang dan mahir dengan senjata yang mana kami warisi turun temurun”. Lalu Abu al-Haitham bin al-Tihan mencelah “wahai Rasulullah! sesungguhnya di antara kami dengan orang-orang Yahudi berlaku permusuhan dan kami tidak berhubungan dengan mereka, oleh itu sekiranya kami menerima Islam kemudian Allah memenangkan kami ke atas mereka maka adakah engkau akan kembali kepada kaum engkau dan meninggalkan kami?”. Sambil tersenyum Rasulullah mengatakan “bahkan darah dengan darah, perang dengan perang, aku dari kamu dan kamu dari aku, aku memerangi orang yang memerangi kamu dan berdamai dengan mereka yang berdamai dengan kamu”.¹⁸

Uslub yang digunakan pula ialah *uslub* yang ditujukan kepada seluruh diri manusia yang berbentuk *fitri* iaitu yang ditujukan kepada fitrah manusia dan akalnya untuk berfikir. Yang ditujukan kepada sentimen kejiwaan yang halus dan menguasai perasaan dan jiwa tanpa menggerakkan akal dalam bentuk *mau'izah*, *targhib* dan *tarhib*. Termasuk juga *uslub khuluqi* atau *qudwah hasanah* yang didasarkan kepada akhlak dan perilaku mulia yang selaras dengan da'wah dan ajaran yang dibawa.

Dari sudut *wasail* atau saluran penyampaian yang digunakan untuk menyalurkan isi da'wah melalui *uslub* yang sesuai dengan suasana sasaran, maka Rasulullah menggunakan segala saluran yang wujud dan dibolehkan pada masa itu serta tidak terhalang menggunakannya. Antara *wasail* yang digunakan oleh baginda pada peringkat ini ialah masjid (masjid al-Haram), hadith dan ucapan, contoh perilaku yang baik, hubungan individu dan kelompok, Dar al-Arqam, tempat-tempat perhimpunan ramai seperti pasar 'Ukaz dan bai'ah (janji setia).

Antara tanda yang menunjukkan Rasulullah melakukan perancangan ketika di peringkat Makkah adalah sebagaimana berikut;

¹⁸Ibn Hisyam, *Op Cit*, hlm: 438-443. Ibn Kathir, *Op Cit*, juz 3, hlm: 158-161.

- 1) Mengarahkan sahabat melakukan hijrah pertama ke Habsyah untuk menyebarkan da'wah serta mencari penyokong dan pembantu.
- 2) Perhubungan Rasulullah dengan rombongan yang datang ke Makkah pada musim haji secara rahsia untuk menyatakan Islam serta menghasilkan penyokong.
- 3) Mengadakan ikatan janji setia (*bai'ah*) dengan penduduk Yathrib (Aus dan Khazraj) dalam bai'ah Aqabah pertama dan kedua dengan syarat mereka mempertahankan Rasulullah sebagaimana mereka mempertahankan harta, isteri, dan anak-anak mereka.
- 4) Menghantar penda'wah ke Yathrib untuk menyebarkan Islam di setiap rumah dan semua kabilah.
- 5) Perintah baginda kepada sahabat-sahabatnya supaya berhijrah ke Yathrib secara bersembunyi.
- 6) Hijrah baginda sendiri ke sana bersama dengan sahabatnya Abu Bakr al-Siddiq adalah juga secara rahsia dan dirancang caranya dengan penuh teliti agar dapat mengendalikan urusan negara yang bakal lahir serta mendirikan asas-asas masyarakat yang adil.¹⁹

PERINGKAT MADINAH

Setelah berpindah ke Madinah kita dapati *manhaj* da'wah yang dibawa telah berubah oleh kerana perubahan suasana dan keadaan di mana kalau dahulunya mereka diugut, diseksa dan dihalau tetapi kini mereka telah membentuk sebuah masyarakat baru dan tanah air yang mana mereka hidup di dalamnya dengan penuh aman. Mereka telah menjadi umat yang mempunyai pemimpin yang memimpin mereka dari berbagai sudut kehidupan iaitu keagamaan, politik, ketenteraan dan kemasyarakatan.

Perkara pertama yang dilakukan oleh Rasulullah apabila sampai ke Madinah dan tinggal selama empat hari di Quba' ialah mendirikan masjid Quba'

¹⁹Abd Allah Nasih 'Ulwan, *Baina al-'Amal al-Fardi wa al-'Amal al-Jamai'*, Dar al-Salam Beirut 1988, hlm: 118-119.

yang merupakan masjid pertama dalam Islam, sebelum baginda mendirikan masjid Madinah (masjid Nabawi).²⁰ Selepas itu beginda mempersaudarakan antara golongan Muhajirin sesama mereka dan antara Muhajirin dengan Ansar di atas dasar kebenaran dan saling bantu membantu serta saling mewarisi harta selain dari keluarga yang mempunyai tali kekeluargaan. Tetapi kemudian pewarisan berdasarkan persaudaraan ini dimansuhkan selepas peperangan Badar dengan turunnya firman Allah dalam surah *al-Anfal* (8): 75:

Maksudnya: "..... dalam pada itu, orang yang mempunyai pertalian kerabat, setengahnya lebih berhak akan setengah yang lain, menurut (hukum) kitab Allah; sesungguhnya Allah Amat Mengetahui tentang sesuatu".

Dengan turunnya ayat tersebut maka hak pewarisan melalui tali persaudaraan yang bukan melalui nasab telah terbatal.

Jumlah mereka yang dipersaudarakan oleh Rasulullah sebanyak sembilan puluh orang iaitu empat puluh lima Muhajirin dan empat puluh lima Ansar. Ada pendapat yang mengatakan seratus iaitu lima puluh Ansar dan lima puluh Muhajirin.²¹

Selepas mempersaudarakan antara Muhajirin dan Ansar serta mendirikan masjid, Rasulullah telah mengadakan surat perjanjian di antara seluruh penduduk Madinah termasuk Yahudi dan lain-lain bertujuan meletakkan satu garis panduan perhubungan dan saling berkerjasama sebagai warga dalam sebuah negara Islam yang baru dibangunkan demi keadilan, keamanan, dan kemaslahatan seluruhnya.²²

Dari sudut isi da'wah di peringkat ini, selain dari meneruskan penanaman dan pengukuhan akidah yang berterusan, maka mula dilaksanakan syariat Islam dalam berbagai sudut kehidupan bermula dari keizinan berjihad untuk mempertahankan Islam dan negara Madinah hingga kepada hal-hal ibadat, perundangan, kemasyarakatan, sistem politik, perekonomian dan lain-lain.²³

²⁰Ibn Hisyam, *Op Cit*, bahagian 1, hlm: 494.

²¹Ibn Sa'ad, *Op Cit*, juz 3, hlm: 238. Ibn Hisyam, *Op Cit*, bgn 1, hlm: 504- 508. Ibn Kathir, *Op Cit*, juz 3, hlm: 226-228.

²²Ibn Hisyam, *Op Cit*, bgn 1, hlm: 501-504. Dr. Hasan Ibrahim Hasan, *Tarikh al-Islam al-Siasi Wa al-Dini Wa al-Thaqafi wa al-Ijtima'*, Kaherah 1964, juz 1, hlm: 100-103.

²³Dr. Abu al-Majd Sayyid Nawfal, *al-Da'wah Ila Allah Ta'ala Khasaisuha, Muqawwamatuha, Manahijuha*, Matb'ah al-Hadarah al-'Arabiyyah, Kaherah 1977, hlm: 174-189

Ada pun *wasail* yang digunakan untuk menyampaikan da'wah, maka ianya masih menggunakan semua *wasail* yang telah digunakan di Makkah terutamanya masjid yang mana kalau di Makkah baginda hanya menggunakan *Bait al-Haram*, tetapi di Madinah masjid merupakan saluran utama oleh kerana masjid merupakan tempat perhimpunan umat Islam untuk beribadat dan melakukan berbagai kegiatan kemasyarakatan dan soaial, lebih-lebih lagi sudah tidak ada apa-apa halangan dan sekatan. Selain dari itu ditambah dengan saluran baharu seperti jihad, menghantar surat dan utusan kepada pembesar-pembesar 'Arab serta raja-raja seperti raja Rome dan Parsi.

Dalam masalah *ustlub*, maka ianya meskipun berbagai berdasarkan sasaran yang dihadapi oleh penda'wah, namun ianya tidak dapat lari dari *ustlub* yang berbentuk aqli atau ilmi atau *thaqafi* juga dikenali dengan *ustlub fitri*, yang ditujukan kepada akal berdasarkan dalil yang mengajak manusia berfikir atau disebut dengan *ustlub al-hikmah* yang banyak digunakan untuk golongan cendekiawan.²⁴ *Uslub ilmi* atau aqli yang berupa hikmah dan dailog yang baik banyak digunakan di Madinah untuk berdailog dengan *Ahl al-Kitab* (Yahudi dan Nasrani) yang ramai mendiami Madinah. Sedangkan *ustlub 'atifi* yang menunjukan percakapannya kepada menggerakkan sentimen dan naluri kejiwaan dalam bentuk *mauizah*, *tarhib* dan *tarhib*, nasihat yang lemah lembut, simpati dan lain-lain banyak digunakan untuk orang yang tidak tinggi pencapaian ilmunya serta orang Islam yang melakukan maksiat.²⁵ Selain dari dua *ustlub* ini ialah *ustlub khuluqi* atau contoh tauladan yang baik melalui penghayatan Islam kepada diri sendiri yang dipamirkan sebagai model ikutan yang dapat menawan hati sasaran tanpa memerlukan da'wah dengan suara.²⁶

Pandangan yang dibawa tentang pembahagian *manhaj* da'wah ini adalah kurang tepat kerana *manhaj* da'wah adalah perancangan dan kaedah umum atau garis panduan kerja yang memuatkan rangka kerja yang tersusun yang termasuk di bawahnya *marhalah* atau tahap penda'wahan, cara penyampaian isi da'wah (*ustlub*), isi yang hendak disampaikan dari sudut keutamaan berdasarkan masalah yang dihadapi sasaran, saluran yang digunakan untuk menyalurkan *ustlub* yang membawa isi kepada sasaran. Jumlah kesemua ini dikatakan *manhaj*. Adapun

²⁴Untuk lebih jelas dan ditel rujuk perbincangan mengenai *ustlub* da'wah yang ditulis oleh penulis dalam Jurnal Usuluddin Bil:4, Mei 1996, hlm: 49-70.

²⁵Muhammad Abu al-Fath al-Bayanuni. *al-Madkhal Ila Ilm al-Da'wah*, Muassasah al-Risalah, t.t. 204-219.

²⁶Dr. 'Ali Jarisyah, *Op Cit*, hlm: 28-41.

penyampaian Islam yang merangkumi penumpuan sama ada akal, atau sentimen atau melahirkan akhlak yang baik atau disebut juga *qudwah hasanah*, atau yang berbentuk *tajribi* atau *hissi* iaitu cara penyampaian yang berpaksi kepada pancaindera melalui penyaksian dan percubaan,²⁷ adalah merupakan *ustlub* bukannya *manhaj*, kerana apa yang dikatakan berbentuk menguasai sentimen kejiwaan atau menguasai akal atau lain-lain adalah berkait rapat dengan perkataan atau cara menyampaikan isi da'wah kepada sasaran. Cara penyampaian inilah yang dimaksudkan dengan *ustlub*. Kekeliruan ini timbul kerana ada setengah pengkaji dan penulis di bidang da'wah menggunakan istilah *ustlub* dengan pengertian *manhaj*, kerana *ustlub* diterjemahkan dengan cara berda'wah yang merangkumi secara meluas segala yang berkaitan dengan da'wah dari cara merancang, cara menggunakan alat dan saluran, dan cara penyampaian isi kepada sasaran. Dari sini dapat dilihat ada berlaku pertindihan atau saling berkaitan rapat antara *manhaj* dan *ustlub* di mana kadang-kadang satu perkara boleh dilihat dari dua sudut, contohnya; akhlak boleh dikatakan sebagai *manhaj akhlaki* sebagaimana juga boleh dikatakan *ustlub akhlaki*. Dikatakan *manhaj* apabila dilihat kepada semua perancangan da'wah dalam Islam dari segala sudutnya adalah berkait rapat dengan akhlak iaitu ianya perlu berbentuk akhlak kerana tujuan dari seluruh kerja penda'wahan adalah melahirkan hidup bermoral untuk manusia yang juga merupakan intipati dari 'ubudiyah kepada Allah. Dikatakan *ustlub* kerana gaya penyampaian da'wah Islam mestilah bersandarkan kepada moral yang tinggi dari sudut gaya bahasa dan percakapan penda'wah dengan sasaran. Beradab sopan dengan menggunakan bahasa yang mempunyai pengertian mulia, ungkapan yang tinggi jauh dari memalukan sasaran serta mengelakkan dari membangkitkan naluri yang rendah.

Dari perbincangan yang lalu dapat disimpulkan bahawa *manhaj* ialah garis perancangan yang dibuat untuk diikuti bagi mencapai matlamat dari sesuatu tujuan. Dengan itu *manhaj* da'wah ialah perancangan dan garis panduan yang diwujudkan untuk diikuti dalam usaha da'wah untuk mencapai matlamat dari penda'wahan. Ianya akan berubah mengikut perubahan masa dan keadaan sasaran.

²⁷Muhammad Abu al-Fath al-Bayanuni, *Op Cit*, hlm: 214.